

## POLITIK

Peraturan yang berkuat kuasa

- 1) Peraturan 21(1), P.U.(A)395/1993 : pegawai **Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan & Profesional dilarang** mengambil bahagian di dalam **politik**. Pegawai tidak boleh:
  - a) membuat apa-apa pernyataan awam, sama ada lisan atau bertulis, memberi pandangan yang berat sebelah atas perkara yang menjadi isu parti politik;
  - b) menerbitkan atau mengedar buku, makalah atau risalah parti politik;
  - c) merayu undi;
  - d) menjadi ejen pilihanraya;
  - e) bertanding apa-apa jawatan parti politik; dan
  - f) memegang jawatan di dalam parti politik.
  
- 2) Peraturan 21(2), P.U.(A)395/1993 : **Pegawai Kumpulan Pelaksana (Sokongan) boleh bertanding / memegang jawatan dalam parti politik** setelah mendapat kebenaran secara bertulis daripada:
  - a) Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam – pegawai gunasama\*
  - b) Ketua Setiausaha Kementerian – pegawai bukan gunasama
  - Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1996

\* Perkhidmatan Gunasama Persekutuan ialah perkhidmatan yang Ketua Perkhidmatannya ialah Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.
  
- 3) Peraturan 21(2A), P.U.(A)395/1993 : **Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 hingga DG48**, selain Pengetua atau Guru Besar di institusi pendidikan\* dan pegawai yang memegang jawatan pentadbiran, **boleh bertanding / memegang jawatan / dilantik ke dalam jawatan parti politik** setelah mendapat kebenaran secara bertulis daripada Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran.
  - Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 2010

\* Institusi pendidikan bermaksud sekolah, Institut Pendidikan Guru (IPG), *English Language Teaching Centre* (ELTC), kolej matrikulasi dan Institut Aminuddin Baki (IAB) di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia.

## FAQ - POLITIK

Bil.	Perkara	Soalan	Penjelasan
1	Ahli biasa	Adakah pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi (KPT) dan Kumpulan Pengurusan & Profesional (P&P) boleh menjadi anggota biasa di dalam parti politik? Apakah tindakan yang perlu dilaksanakan?	Pegawai KPT dan P&P boleh menjadi anggota biasa di dalam parti politik. Pegawai berkenaan perlu memaklumkan perkara ini dengan segera kepada Ketua Jabatan, melalui borang JPA(T) 2/96 (boleh dimuat turun daripada laman portal JPA di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 1996). <a href="http://www.eghrmis.gov.my/wp_content2/pekeliling/PP96/PP96Bil05/PP96Bil05.htm">http://www.eghrmis.gov.my/wp_content2/pekeliling/PP96/PP96Bil05/PP96Bil05.htm</a>
2	Calon pilihan raya	1) Sekiranya pegawai telah diberi kebenaran untuk bergiat aktif di dalam parti politik, adakah pegawai boleh dicalonkan untuk bertanding di dalam pilihan raya umum, bagi kerusi Parlimen atau Dewan Undangan Negeri?  2) Apakah tindakan yang perlu dilaksanakan oleh pegawai awam yang telah dicalonkan oleh parti masing-masing untuk bertanding di pilihan raya.	Pegawai boleh dicalonkan untuk bertanding di dalam pilihan raya umum, pilihan raya kecil bagi kerusi Parlimen atau Dewan Undangan Negeri.  a) Sekiranya pegawai telah mencapai umur sekurang-kurangnya 40 tahun dan mempunyai tempoh perkhidmatan yang boleh diambil kira tidak kurang daripada 10 tahun, pegawai layak memohon persaraan pilihan.  b) Permohonan persaraan pilihan tersebut perlu mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2003. Antara dokumen-dokumen yang diperlukan adalah:  i. perakuan Ketua Jabatan; ii. permohonan persaraan pilihan oleh pegawai;

Bil.	Perkara	Soalan	Penjelasan
			<p>iii. laporan tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia; dan</p> <p>iv. lain-lain dokumen sokongan mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2003.</p> <p>c) Pegawai / Jabatan boleh terus berurusan di Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA di Aras 3, Blok C2, Kompleks C, Putrajaya (kaunter dibuka dari jam 8.00 pagi sehingga 10.00 malam);</p> <p>d) Ganjaran pegawai akan dibayar dalam tempoh 30 hari dari tarikh dokumen lengkap diterima dan pencen akan dibayar:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. lantikan sebelum 12.4.1991, pencen dibayar pada umur 45 tahun bagi perempuan dan 50 tahun bagi lelaki; atau</li> <li>ii. lantikan pada atau selepas 12.4.1991, pencen akan dibayar pada umur 55 tahun.</li> </ul> <p>e) Sekiranya tempoh perkhidmatan pegawai kurang daripada 10 tahun, maka pegawai perlu meletak jawatan. Peletakan jawatan perlu dikemukakan oleh pegawai kepada Ketua Jabatan untuk diambil maklum (akuan terima kepada pegawai) serta disalinkan kepada Ketua Perkhidmatan. Perkara ini boleh diuruskan oleh Ketua Jabatan/ Pengurus Sumber Manusia masing-masing berdasarkan peraturan 54, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 [P.U.(A)1/2012]</p>

Bil.	Perkara	Soalan	Penjelasan
3	Implikasi peletakan jawatan / persaraan pilihan	Sekiranya pegawai yang telah bersara pilihan / meletak jawatan kerana bertanding di dalam pilihan raya kalah di dalam pilihan raya berkenaan, adakah pegawai boleh diterima kembali berkhidmat di dalam perkhidmatan awam?	<p>Pegawai yang telah meletak jawatan boleh memohon dan dipertimbangkan untuk dilantik semula ke dalam perkhidmatan awam oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan selaras dengan Peraturan 7, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 [P.U.(A)1/2012].</p> <p>Pegawai yang bersara pilihan tidak boleh dilantik semula ke dalam perkhidmatan awam kecuali atas kehendak Kerajaan kerana perkhidmatan pegawai amat diperlukan. Walau bagaimanapun, pelantikan hanya boleh dibuat secara kontrak (<i>contract of service</i>) setelah mendapat persetujuan YAB Perdana Menteri/ YAB Timbalan Perdana Menteri/ Ketua Setiausaha Negara sebagaimana ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2008 – Dasar dan Prosedur Pelantikan Secara Kontrak (<i>contract of service</i>)</p>
4	Borang permohonan mengambil bahagian dalam aktiviti politik	Dimanakah borang permohonan kebenaran bergiat aktif politik boleh didapati?	<p><u>Kumpulan Pelaksana:</u> Borang permohonan JPA(T)1/96 boleh dimuat turun daripada laman portal JPA di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 1996. <a href="http://www.eghrmis.gov.my/wp_content2/pekelling/PP96/PP96Bil05/PP96Bil05.htm">http://www.eghrmis.gov.my/wp_content2/pekelling/PP96/PP96Bil05/PP96Bil05.htm</a></p> <p><u>Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah, Gred DG41-DG48:</u> Borang permohonan JPA(T)1/10 boleh dimuat turun daripada laman portal Kementerian Pelajaran Malaysia. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 2010. <a href="http://www.moe.gov.my/v/pekelling-perkhidmatan">http://www.moe.gov.my/v/pekelling-perkhidmatan</a></p>

Bil.	Perkara	Soalan	Penjelasan
5	Syarat-syarat penglibatan politik	Apakah syarat-syarat yang dikenakan ke atas pegawai yang telah dibenarkan terlibat dalam aktiviti politik?	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kegiatan politik tidak mengganggu tugas rasmi pegawai;</li> <li>ii. Segala kegiatan politik hendaklah dilakukan di luar waktu pejabat;</li> <li>iii. Pegawai hendaklah memohon cuti jika kegiatan politik melibatkan waktu pejabat;</li> <li>iv. Tidak boleh menggunakan pengaruh politik bagi menyelesaikan masalah perkhidmatan;</li> <li>v. Tidak boleh menggunakan maklumat rasmi pejabat untuk tujuan kegiatan politik;</li> <li>vi. Segala kegiatan politik hendaklah tidak bertentangan dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan &amp; Tatatertib) 1993 - [P.U(A)395/1993]; dan</li> <li>vii. Pihak berkuasa melulus boleh menarik balik kelulusan sekiranya pegawai gagal mematuhi syarat-syarat yang dikenakan.</li> </ul>

Bil.	Perkara	Soalan	Penjelasan
6	Membantu kempen	1) Saya terlibat dengan Jawatankuasa Komuniti di mana parti politik meminta bantuan saya untuk memasang bendera parti dan bahan kempen di kawasan komuniti saya. Apa perlu saya lakukan?	<p>Sekiranya pegawai ialah pegawai KPT atau P&amp;P (kecuali DG41-48 yang telah diberi kebenaran), tindakan tersebut tidak boleh sama sekali dilaksanakan.</p> <p>Jika pegawai terdiri daripada pegawai Kumpulan Pelaksana, maka perlu dapatkan kebenaran terlebih dahulu daripada pihak berkuasa melulus yang ditetapkan.</p> <p>Aktiviti memasang bendera parti politik oleh individu boleh ditafsirkan sebagai sokongan individu terhadap parti politik tersebut. Ia boleh dikategorikan juga sebagai merayu undi.</p>
		2) Bolehkah pegawai membantu berkempen atau mengikut suami / isteri yang dicalonkan dalam pilihan raya?	<p>Sekiranya pegawai ialah pegawai KPT atau P&amp;P (kecuali DG41-48 yang telah diberi kebenaran), tindakan tersebut tidak boleh sama sekali dilaksanakan.</p> <p>Jika pegawai ialah pegawai Kumpulan Pelaksana, maka perlu dapatkan kebenaran terlebih dahulu daripada pihak berkuasa melulus yang ditetapkan.</p> <p>Tindakan membantu berkempen / mengikut calon pilihan raya berkempen ditafsirkan sebagai sokongan terhadap parti politik dan ia dikatakan juga sebagai merayu undi.</p>
7	Ceramah parti politik	Bolehkah pegawai menghadiri dan mendengar ceramah parti-parti politik sempena kempen pilihan raya?	Bagi memberi peluang kepada rakyat untuk mendapatkan maklumat secara terus daripada parti-parti politik yang bertanding berkaitan manifesto masing-masing, tiada halangan untuk pegawai awam (KPT, P&P dan Kumpulan Pelaksana) menghadiri / mendengar ceramah parti-parti politik.

Bil.	Perkara	Soalan	Penjelasan
8	Media sosial	1) Adakah salah jika pegawai 'follow' Twitter pemimpin parti politik?	Tidak salah
		2) Adakah salah jika pegawai 'Like' dan 'share' Facebook, 'retweet' artikel berkaitan politik?	<p>Sekiranya pegawai ialah pegawai KPT atau P&amp;P (kecuali DG41-48 yang telah diberi kebenaran), tindakan tersebut tidak boleh sama sekali dilaksanakan.</p> <p>Jika pegawai terdiri daripada pegawai Kumpulan Pelaksana, maka perlu dapatkan kebenaran terlebih dahulu daripada pihak berkuasa melulus yang ditetapkan.</p> <p>Jika artikel berkenaan cenderung memihak kepada parti politik tertentu, aktiviti tersebut boleh ditafsirkan sebagai sokongan pegawai terhadap parti politik tersebut. Ia dikatakan juga sebagai aktif politik</p>